

Jalan rosak, mendap dibaik pulih

Sinar 14/2/17.

KUANTAN - Kesulitan dihadapi Penduduk Taman Perumahan Bukit Rangin 2, di sini susulan masalah jalan rosak dan mendap di kawasan perumahan itu berakhir apabila ia dibaiki pihak pemaju, petang semalam.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Khalil Anwar, 32, berkata, jalan itu laluan utama penduduk untuk keluar ke Jalan Pintasan Kuantan namun keadaannya sebelum ini seperti tidak selamat untuk digunakan.

"Kejadian jalan mendap ini berlaku selepas banjir berkemungkinan struktur *culvert* atau pembetungnya terjejas jadi kami amat bimbang keselamatan pengguna dan perkara ini tak boleh dibiarkan begitu saja," katanya.

Beliau berkata, masalah kerosakan jalan itu turut diadukan kepada Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) akhir Januari lalu.



Penduduk, Zakaria Man, melihat lubang yang terbentuk di jalan Taman Perumahan Bukit Rangin 2.

Sebelum ini Setiausaha KRT taman itu, Hairuddin Idris, 42, turut berharap isu membabitkan jalan di kawasan perumahan terbabit dapat diselesaikan.

Sementara itu, Ketua Seksyen Perhubungan Awam

MPK, Izad Zainal Muhammad Safian berkata, pihaknya menerima aduan penduduk pada 31 Januari lalu.

Menurutnya, semakan mendapati penyelenggaraan jalan itu di bawah tanggungjawab pemaju.